
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

PGM 325 – TEKNIK-TEKNIK KAUNSELING

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Jawab **TIGA (3)** soalan. Jawab **SOALAN 1** yang **DIWAJIBKAN** pada **BAHAGIAN A**, dan **DUA (2)** soalan lain pada **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A
(WAJIB)**

1. Jelaskan **SEPULUH (10)** tanggungjawab kaunselor terhadap klien berdasarkan Kod Etika Kaunselor, Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA, 1994) beserta contoh yang sesuai.
(30 markah)

BAHAGIAN B

Jawab mana-mana **DUA (2)** soalan sahaja.

2. Sally merupakan seorang pelajar yang menghadapi masalah dari segi akademik. Hal ini berlaku ekoran daripada perlanjutan beberapa semester sehinggakan Sally tidak bermotivasi lagi untuk meneruskan pengajian. Dalam masa yang sama Sally turut mengalami masalah kewangan kerana pinjaman pelajarannya telah ditamatkan. Rentetan daripada isu yang dikemukakan ini membuatkan Sally amat tertekan untuk meneruskan pengajiannya.
 - (a) Berikan maksud perkhidmatan kaunseling individu berdasarkan pandangan **DUA (2)** tokoh.
(5 markah)
 - (b) Berdasarkan senario di atas, anda dikehendaki membantu Sally dengan mengaplikasi **ENAM (6)** langkah dalam proses kaunseling individu yang dikemukakan oleh Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim dan Halimatun Halalial Mokhtar (1996) beserta contoh yang sesuai.
(30 markah)

3. David merupakan seorang anak yatim yang dibesarkan di sebuah asrama anak yatim. David tidak berpuas hati dengan ibunya kerana menghantar dia ke asrama tersebut. Namun ibunya tiada pilihan lain demi memastikan David mendapat kemudahan pendidikan yang sempurna akibat kemiskinan keluarga.

David didapati kerap kali melanggar disiplin asrama, memberontak dan tidak menumpukan perhatian terhadap pelajarannya.

- (a) Berdasarkan senario di atas, bincangkan Konstruk Patalogi Terapi Rasional Emotif Perlakuan oleh Othman Mohamed (2000) beserta contoh yang sesuai.

(25 markah)

- (b) Huraikan **DUA (2)** teknik Terapi Rasional Emotif Perlakuan yang sesuai digunakan dalam senario di atas.

(10 markah)

4. Huraikan perkara berikut beserta contoh yang sesuai.

- (a) **TIGA (3)** kemahiran dalam kaunseling kelompok yang berbeza dengan kemahiran dalam kaunseling individu menurut Gladding (1995).

(15 markah)

- (b) Teknik kerusi kosong daripada Terapi Gestalt.

(10 markah)

- (c) Teknik perkaitan bebas daripada Terapi Psikoanalisis.

(10 markah)